

JABATAN Perhutanan Pahang mengendalikan tujuh kes kesalahan hutan membabitkan tindakan perbicaraan dengan dua kes daripada adalah pembalakan haram mengikut Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara 1984 pindaan 1993, dalam tempoh lima tahun sejak 2006.

Kes lain pula membabitkan kesalahan seperti memasuki Hutan Simpan Kekal (HSK) tanpa kebenaran, memindah hasil hutan daripada Tanah Milik tanpa lesen, membuang sampah dalam HSK dan memiliki hasil hutan yang menyalahi undang-undang mengikut akta yang sama.

Jabatan Perhutanan kendali tujuh kes

Kes pertama pembalakan haram di daftar di Mahkamah Sesyen Raub pada 2003 dan perbicaraan kes berlangsung sehingga 2009, dengan enam orang dituduh serta didakwa tetapi semua mereka dibebaskan apabila mahkamah memutuskan ialah tiada kes 'prima facie'.

Kes kedua didaftar pada 2008 di mahkamah yang sama dengan empat orang yang dituduh serta dibicarakan dan mereka dilepaskan tanpa dibe-

baskan serta barang kes yang disita dilepaskan dengan Bon Mahkamah.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata jabatan berkenaan sebenarnya memberi perhatian serius dan komited ke atas usaha penguatkuasaan yang berterusan untuk membanteras kegiatan pembalakan haram.

Katanya, mana-mana individu, syarikat dan pelesen yang terbabit kes kesalahan hutan atau pembalakan haram akan

ditahan dan diambil rakaman percakapan.

"Jika bukti serta fakta mencukupi, orang yang disyaki akan dituduh di mahkamah mengikut akta berkenaan," katanya menjawab soalan Datuk Dr Ng Keong Chye (BN-Ketari) yang ingin tahu hasil pembalakan yang diperolehi kerajaan negeri dari 2006 hingga 2010.

Menteri Besar juga berkata, hasil pembalakan yang diperolehi pada 2006 ialah RM90.16 juta, tetapi agak merosot pada

tahun berikutnya iaitu RM74.6 juta.

Bagaimanapun, ia meningkat semula kepada RM89.6 juta pada 2008, sebelum menyusut RM79.9 juta pada 2009 kemudian naik semula RM96.8 juta pada tahun lalu.

Keluasan hutan yang diluluskan untuk pembalakan bagi lima tahun lalu ialah 27,950.26 hektar pada 2006, 21,579.08 hektar (2007), 29,671.42 hektar (2008), 30,211.14 hektar (2009) dan 30,880.98 hektar (2010).